

D486

B B727 AAB
MAHATHIR - ISA

(I)

KUALA LUMPUR, 13 NOV (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENGELUARKAN KERTAS PUTIH MENGENAI PENAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) BARU-BARU INI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKIRANYA KERTAS ITU TIDAK MUNGKIN DIBENTANGKAN SEMASA SESI PARLIMEN INI, KERTAS ITU MUNGKIN DIKELUARKAN SELEPAS SESI PARLIMEN SEKARANG.

INI KERANA SESI PARLIMEN YANG BERIKUT LAMBAT LAGI DIADAKAN, JELASNYA.

DI BAWAH SISTEM YANG DIAMALKAN DI MALAYSIA, KERTAS PUTIH TIDAK DIBENTANGKAN DI PARLIMEN MELAINKAN TERDAPAT USUL UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

BAGAIMANAPUN, JIKA KERTAS ITU DIKELUARKAN DI LUAR SESI PARLIMEN, KERTAS ITU BOLEH DIBENTANGKAN SEMASA SESI PARLIMEN YANG BERIKUT. --
BERNAMA

2000MST 13 11 87